

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN PAMERAN

TEMPAT: MUZIUM NEGARA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 09 JUL 1987

MASA:

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh;  
Yang Berhormat Menteri-Menteri;  
Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri;  
Yang Berbahagia Ketua-Ketua Pengarah;  
Dif-dif kehormat;  
Tuan-tuan dan puan-puan,  
Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Lembaga  
Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara serta Muzium Negara  
kerana berjaya menganjurkan Pameran ini. Saya berpendapat  
memang kena dan tepat masanya perhatian diberikan terhadap  
pembangunan kanak-kanak di negara kita ini.

2. Pameran ini adalah lebih bermakna bersempena dengan  
pegesahan 'Hari Ke-5 Billion' Bangsa-bangsa Bersatu pada  
11hb Julai ini. Walaupun 'Day of Five Billion' ini adalah  
satu hari yang bermakna dari perspektif pertumbuhan  
kependudukan, tetapi ianya juga mempunyai erti yang besar  
bagi kita, kerana lebih kurang setengah daripada jumlah 5  
billion itu adalah terdiri daripada kanak-kanak yang berumur  
bawah daripada 15 tahun. Oleh itu wajarlah kita semua  
memikir semula nasib masa depan kanak-kanak, bekerjasama dan  
menggembeling tenaga kita untuk membangun satu negara yang  
sihat dan kukuh melalui pembangunan manusia, khususnya  
kanak-kanak pada hari ini.

3. Saya difahamkan Pameran ini akan memberi tumpuan  
terhadap penyebaran penerangan mengenai potensi membangunkan  
atau develop kanak-kanak, faktor-faktor yang mempengaruhi  
pembentukan akhlak, sikap dan tahap intelek kanak-kanak dan  
sebagainya. Faktor-faktor ini meliputi peranan ibu bapa,  
pendidik, para profesional dan seluruh masyarakat.

4. Masih ramai belum mengetahui mengenai dunia  
kanak-kanak. Kita belum lagi mengetahui dengan sepenuhnya  
apakah kaedah yang sesuai bagi kita mendapat hasil yang  
optima di dalam membentuk kanak-kanak. Kita juga kurang  
arif tentang akibat persekitaran terhadap pembentukan akhlak  
dan emosi seseorang kanak-kanak itu. Pengetahuan kita  
terhadap bagaimana seseorang kanak-kanak itu berkembang  
adalah mustahak di dalam menghindarkan tingkahlaku yang  
tidak baik, dan kita patut memperkenalkan kaedah-kaedah yang  
efektif. Oleh itu, kita perlu menumpu dan meneruskan lagi  
usaha di dalam memperkukuhkan dan memperkembangkan ilmu  
pengetahuan kita dalam bidang kanak-kanak.

5. Kebudayaan dunia kini sudah banyak berubah. Anak-anak terdedah kepada berbagai-bagai pengaruh, sama ada media massa TV, wayang gambar, dan berbagai lagi dipersekitarannya. Dari kecil lagi kanak-kanak kini telah dapat menikmati permainan melalui komputer. Dari televisyen pula berbagai-bagai perkara seperti cerita-cerita dan kejadian-kejadian yang buruk seperti keganasan, jenayah, nilai-nilai hidup yang asing dan kadangkala buruk akan dilihat dan sudah tentu sedikit sebanyak akan mencorakkan akhlaknya.

6. Kanak-kanak sekarang terdedah kepada bermacam-macam pengaruh. Ibu bapa pula ada kalanya tersinggung dan kurang yakin akan peranan mereka sebagai pendidik anak. Sebaliknya ibu bapa mempunyai potensi pengaruh yang besar ke atas anak mereka. Jika potensi ini diguna dengan baik, terutama di masa anak mereka kecil lagi, nilai-nilai baik akan meresap menjadi sebahagian daripada peribadi anak, yang tidak mudah diubah dengan pendedahan kepada pengaruh lain di masa membesar. Kegagalan ibu bapa menggunakan peluang didikan awal ini akan memudahkan penerapan nilai-nilai yang tidak diingini yang terdapat dalam masyarakat dunia moden ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Berbagai-bagai cara memberi galakan kepada kanak-kanak telah disarankan dan ibu bapa memerlukan panduan-panduan tentang cara-cara ini dengan mudah dan praktikal. Ibu bapa tidak lagi boleh percaya bahawa setiap orang dari mereka sudahpun dikurniakan kebolehan untuk mendidik anak dengan jayanya. Sudah tiba masanya bagi kita mempelajari sedikit sebanyak akan isi kandungan dan cara mendidik anak di rumah.

8. Tahap kesihatan kanak-kanak kita sudah lebih baik daripada dahulu. Jika dahulu ramai kanak-kanak yang mati akibat penyakit-penyakit berjangkit, tetapi kini kesihatan kanak-kanak tidak begitu terancam. Oleh itu ibu bapa berpeluang menumpukan lebih banyak masa kepada pembentukan peribadi yang mulia.

9. Kanak-kanak yang cacat juga memerlukan bantuan-bantuan untuk memaksimumkan potensinya. Di sini masyarakat dan ahli-ahli profesional tertentu boleh memainkan peranan yang besar bagi mengeratkan dan memperbaiki hubungan semulajadi di antara ibu bapa dan kanak-kanak, serta menggalakkan keluarga supaya mengambil tanggungjawab yang lebih di atas penjagaan anak mereka.

10. Anak-anak merupakan aset negara. Ibu bapalah yang menjadi model yang ulung kepada anak mereka. Ibu bapalah juga yang boleh mengawasi supaya pengalaman-pengalaman yang dialami oleh anak-anak mereka merupakan pengalaman yang membina akhlak dan meneguhkan imannya.

11. Ahli-ahli saikologi kanak-kanak bersetuju bahawa seseorang kanak-kanak itu melalui peringkat perkembangan

yang tertentu dan melalui berbagai krisis yang datang daripada kehendak-kehendak ibu bapa dan masyarakat. Kegagalannya dalam melalui peringkat-peringkat ini akan menjejaskan dan seterusnya mendatangkan kegagalan ataupun kebingungan kepada seseorang kanak-kanak itu di dalam masyarakat. Oleh itu, penjagaan yang bermutu dan perlindungan semasa di peringkat awal kehidupan kanak-kanak adalah sangat mustahak.

12. Kita sedar bahawa usaha ke arah membangunkan kanak-kanak ini adalah satu usaha bersepadu. Maka adalah amat mustahak usaha 'multi-sectoral' atau pendekatan berbagai sektor dan berbagai disiplin ini diwujudkan atau diperkukuhkan bagi menentukan kebajikan kanak-kanak. Kita perlu menumpukan usaha terhadap memupuk dan membangun kanak-kanak dengan nilai-nilai yang positif.

13. Sementara ibu bapa memainkan peranan utama dalam pembentukan peribadi generasi akan datang, pihak lain tidak pula boleh melepaskan tanggungjawab mereka. Di antara yang dekat dengan kanak-kanak ialah guru-guru.

14. Setelah kanak-kanak ke sekolah, pengaruh guru ditokok kepada pengaruh ibu bapa. Bahawa guru bukan sahaja menyemai ilmu tetapi menjadi contoh dan teladan kepada kanak-kanak yang menjadi murid mereka adalah satu kenyataan. Ramai kanak-kanak mendewa-dewakan guru-guru tertentu. Ini memberi peluang kepada guru berkenaan menolong membina segala nilai yang mulia dalam hati kanak-kanak.

15. Masyarakat akan kecewa jika guru bersikap tidak bertanggungjawab selain daripada menyemai ilmu. Latihan rohani dalam bilik darjah dan di padang permainan tidak kurang pentingnya berbanding dengan penyampaian berbagai ilmu pengetahuan.

16. Akhirnya masyarakat keseluruhannya mempunyai tanggungjawab dalam mendidik anak-anak dan menentukan nilai hidup mereka. Masyarakat yang kasar, tidak berakhlak, malas dan sebagainya tidak mungkin melahirkan generasi muda yang bersopan, mulia dan rajin. Justeru itu, jika sesuatu masyarakat itu ingin melihat anak-anak mereka dibesarkan dan menjadi insan yang mulia, unsur-unsur negatif seperti ini hendaklah terlebih dahulu dihindar dan diketepikan. Hanya dengan menyeru supaya ibu bapa dan guru membentuk peribadi yang baik di kalangan anak-anak tidak akan membawa kesan yang kita harapkan. Kalau pada hari ini kita perhatikan terdapat masyarakat yang mudah berjaya dan sebaliknya terdapat juga masyarakat yang selalu gagal, kejayaan dan kegagalan tersebut adalah bergantung kepada nilai hidup yang diamalkan oleh masyarakat berkenaan. Oleh itu amatlah penting masyarakat yang ingin melihat anak-anak dan generasi baru yang baik mengamalkan sendiri segala amalan yang baik yang boleh membawa kejayaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

17. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara serta Muzium Negara kerana menjemput saya ke majlis pembukaan ini. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Pameran 'Duniaku' ini.  
Wabillahi taufik Walhidayah Wassalamu alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.